

KLINDAM ACNE SOLUTION

Clindamycin phosphate (1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Klindam acne solution*
2. Bagaimana *Klindam acne solution* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Klindam acne solution*
4. Cara menggunakan *Klindam acne solution*
5. Semasa menggunakan *Klindam acne solution*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Klindam acne solution*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Klindam acne solution*

Ia digunakan untuk penggunaan setempat jerawat.

Bagaimana *Klindam acne solution* berfungsi

Clindamycin adalah antibiotik yang membunuh bakteria yang sensitif kepadanya.

Sebelum mengambil *Klindam acne solution*

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap clindamycin atau lincomycin, sejarah inflamasi usus, inflamasi of the usus besar atau yang disebabkan oleh antibiotik.

- Sebelum mula mengambil

Ubat ini digunakan dengan berhati-hati Pada kawasan sekitar mata, membrane mukus atau kulit luka kerana iritasi dan sakit, cirit-birit, cirit-birit berdarah dan inflamasi kolon.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Interaksi kurang berlaku untuk kegunaan luar clindamycin, kecuali ubat yang melambatkan pergerakan saluran perut usus (opiates atau diphenoxylate dengan atropine) mungkin memburukkan keadaan cirit-birit, atau inflamasi kolon apabila digunakan bersama dengan clindamycin. Jika cirit-birit teruk berlaku, hentikan penggunaan ubat.

Cara menggunakan *Klindam acne solution*

- Berapa banyak harus diambil

Bersihkan bahagian berkenaan sebelum menggunakan ubat. Sapu lapisan nipis pada bahagian tersebut dua kali sehari. Goncang ubat sebelum diguna.

- Bila perlu diambil

Guna ubat ini seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diambil

Anda perlu menghabiskan jangka rawatan ubat. Perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengambil

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Jika cirit-birit atau cirit-birit berdarah berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan nasihat perubatan. Jika mata sakit atau iritasi kulit berlaku, hentikan ubat dan bilas dengan air bersih.

Semasa menggunakan *Klindam acne solution*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan ubat semasa hamil belum disahkan. Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, Elak ubat ini kecuali atas arahan doktor

Kesan-kesan sampingan

Sakit abdomen, gangguan perut usus, inflamasi liang rambut akibat jangkitan, sakit mata, kulit kering, sensitasi kulit berminyak, dermatitis sentuhan, inflamasi usus besar yang serius atau cirit-birit. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Klindam acne solution*

- Penyimpanan

Simpan tegak di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan jernih tak berwarna untuk kegunaan luar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: clindamycin phosphate
- Bahan tidak aktif: deionised water, propylene glycol and isopropyl alcohol

- Nombor MAL:

MAL05032517AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/10/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)241017/00277